

16 APR 1996

Sekatan

PBB DIGESA HENTIKAN SEKATAN EKONOMI KE ATAS IRAQ

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO bersama-sama dengan Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Pertubuhan Pelajar Berkecuali (NASYO) hari ini menggesa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menghentikan sekatan ekonomi terhadap Iraq secepat mungkin.

Dalam satu kenyataan bersama di sini, mereka berkata sekatan-sekatan ekonomi itu telah mengakibatkan kadar kematian yang tinggi di kalangan kanak-kanak, orang sakit dan orang tua di Iraq, disebabkan kekurangan makanan, perubatan dan keperluan asas lain yang teruk.

Kenyataan bersama ini dikeluarkan selepas perbincangan antara perwakilan NASYO dengan Pemuda UMNO dan MBM yang berakhir di sini hari ini.

Kenyataan itu juga mengutuk tindakan kejam serangan udara dan darat Isarel terhadap rakyat Lubnan yang mengakibatkan hampir 200,000 terbunuh.

PBB dan negara-negara lain juga digesa supaya turut mengutuk tindakan zalim Zionis itu dan memaksa Israel membayar ganti rugi.

Mereka juga menyambut baik usaha yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengutip derma membantu rakyat Bosnia dan kempen badan-badan bukan kerajaan untuk memberi bantuan perubatan dan wang kepada kanak-kanak Iraq.

Dalam satu kenyataan yang lain, Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) menyokong NASYO dalam usaha pertubuhan itu menangani isu-isu Bosnia, Chechnya dan sekatan ekonomi PBB terhadap Iraq di peringkat antarabangsa.

PWM dan SASYO juga menggesa masyarakat antarabangsa mengutuk Amerika Syarikat dan PBB kerana tindakan-tindakan untuk kepentingan politik mereka sendiri dalam menangani isu-isu antarabangsa. -- BERNAMA

RHM WAT NMO